

Ejaan dan Makna Kata

Kelaziman penggunaan sesuatu perkataan sama ada dalam bentuk tulisan ataupun lisan bukanlah jaminan bahawa perkataan itu betul dan tepat dari segi ejaan dan maknanya. Kekeliruan tentang ejaan yang tepat menyebabkan fonem yang salah digunakan dalam perkataan hingga memberikan kesan terhadap makna perkataan yang diucap atau ditulis. Ada perkataan yang tidak bermakna dan ada juga yang berbeza makna berbanding dengan makna perkataan yang ingin dimaksudkan. Hal ini dapat dilihat dalam dua perkataan yang dipasangkan dan sering kali juga kedua-dua perkataan dalam pasangan itu digunakan secara bertukar ganti.

Ada dua kategori perkataan yang acap kali bertukar ganti penggunaannya disebabkan kelaziman penggunaan bahasa menggunakan perkataan itu tanpa meneliti pengejaan perkataan tersebut secara tepat. Yang pertama ialah pasangan perkataan yang satu daripadanya tidak mempunyai makna. *Kamus Dewan Edisi Keempat (KDE4)* tidak menyenaraikan perkataan berkenaan sebagai entri yang sekali gus boleh ditafsirkan bahawa perkataan itu tiada dalam bahasa Melayu. Namun demikian, pengguna bahasa kerap tersilap menggunakan perkataan itu sebagai rujukan perkataan dengan makna perkataan yang seharusnya digunakan dalam komunikasi lisan dan bertulis. Antara contoh pasangan perkataan yang termasuk dalam kategori ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Perkataan	Makna
1.	geroda	sejenis burung dalam sastera lama, burung rajawali besar, helang besar (kenaikan Visnu).
	garuda	-
2.	ihsan	1. beribadat kepada Allah dengan menyedari bahawa seseorang itu berhadapan dengan Allah SWT yang sentiasa melihatnya. 2. kebaikan, kebajikan, perbuatan yang baik, kemurahan (hati). 3. jasa baik, izin.
	ehsan	-
3.	cencang	1. tetak kecil-kecil atau halus-halus. 2. membunuh dengan menetak menggunakan parang.

	cincang	1. (rujuk silang <i>cencang</i>) 2. sejenis tumbuhan (pokok), cungkil, kabau, semincang, terentang bulit.
4.	istirahat	keadaan atau suasana santai.
	istirehat	-
5.	mestika	1. sejenis batu sakti, geliga, gemala. 2. permata yang bernilai. 3. kiasan yang termolek, yang tercantik. 4. kiasan sesuatu yang disayangi atau dikasihi.
	mustika	-
	mastika	-

Penggunaan perkataan tersebut dalam ayat boleh diteliti seperti ayat contoh yang berikut:

- 1a. Dalam hikayat lama, sesebuah negeri itu sering kali diancam serangan burung **geroda**.
- 1b. Dalam hikayat lama, sesebuah negeri itu sering kali diancam serangan burung **garuda**.
- 2a. Wanita tua itu mengharap **ihsan** daripada jiran-jiran untuk mengurangkan beban kehidupannya.
- 2b. Wanita tua itu mengharap **ehsan** daripada jiran-jiran untuk mengurangkan beban kehidupannya.
- 3a. Ubi keledak itu saya **cencang** sebelum dimasak oleh kakak.
- 3b. Ubi keledak itu saya **cincang** sebelum dimasak oleh kakak.
- 4a. Ibu memerlukan **istirahat** yang mencukupi untuk menenangkan fikiranannya.
- 4b. Ibu memerlukan **istirehat** yang mencukupi untuk menenangkan fikiranannya.
- 5a. Anak-anak merupakan **mestika** hati ibu bapa.
- 5b. Anak-anak merupakan **mustika** hati ibu bapa.

Perkataan yang berhuruf tebal dalam ayat 1a, 2a, 3a, 4a dan 5a ialah perkataan yang dieja dengan sistem ejaan yang betul, manakala perkataan yang berhuruf tebal dalam ayat 1b, 2b, 3b, 4b, dan 5b, tiada dalam KDE4 sebagai entri. Cuma, perkataan *cincang* dirujuk silang kepada perkataan *cencang* yang dapat diertikan bahawa pengguna bahasa perlu menggunakan perkataan *cencang* atau digalakkan




Ibu mendukung bayinya.

untuk menggunakan perkataan *cancang* dengan perkataan yang tepat dan ejaan yang betul. Walau bagaimanapun, kesan penggunaan dan sebutan yang menjadi kelaziman, perkataan seperti *garuda*, *ehsan*, *cincang*, *istirehat* dan *mustika* sering juga digunakan oleh pengguna bahasa untuk merujuk maksud *geroda*, *ihсан*, *cancang*, *istirahat* dan *mestika*.

Kategori kedua ialah kedua-dua perkataan yang dipasangkan mempunyai makna yang berbeza daripada perbezaan satu fonem dalam pengejaan perkataan tersebut. Namun, ada juga pengguna bahasa yang menggunakan kedua-dua perkataan itu secara bersilih ganti dengan rujukan makna yang tidak tepat. Hal ini dapat diteliti daripada contoh perkataan seperti yang berikut:

Bil	Perkataan	Makna
1.	dokong	sejenis tumbuhan (pokok) yang buahnya seperti langsas tetapi kulitnya lebih tebal.
	dukung	1. membawa di pinggang atau di belakang. 2. mempunyai sesuatu matlamat dan berusaha untuk mencapainya.
2.	hemah	budi pekerti.
	hemat	1. tidak boros atau membazir, cermat, jimat. 2. dengan penuh perhatian, dengan teliti, cermat, hati-hati, berhati-hati, beringat-ingat, berjaga-jaga. 3. pemerhatian, pengamatan.



Buah dokong manis rasanya.

3.	jenjang	1. tangga. 2. panjang (leher).
	jinjang	1. si ketua (hantu dan lain-lain). 2. si badan yang dimasuki hantu. 3. si pawang yang menguasai hantu. 4. si orang yang mengiringi (mememani) utusan raja.
4.	kesturi	1. sejenis benda yang harum baunya (diperoleh daripada musang jebat). 2. sejenis tumbuhan seperti bunga, kayu, limau. 3. sejenis burung seperti burung bayan atau serindit.
	kasturi	1. sejenis kuih (kuih rengas). 2. rujuk silang <i>kesturi</i> .
	5. rasmi	disahkan oleh kerajaan atau yang berkuasa, diisytiharkan (ditentukan, disahkan) oleh kerajaan atau jabatan dan lain-lain.
	resmi	sifat semula jadi, sifat khas (benda, adat, perangai, tabiat), resam.

Ejaan setiap pasangan perkataan itu berbeza satu fonem, namun sebutannya hampir sama. Perbezaan ejaan membawa maksud yang berbeza untuk setiap perkataan dan hal ini nampak lebih jelas dalam binaan ayat seperti ayat contoh yang berikut:

- 6a. Pokok **dokong** di belakang rumah nenek ditanam oleh ayah 10 tahun yang lalu.
- 6b. Aspirasi perjuangan pemimpin itu yang mementingkan rakyat marhaen memang saya **dokong** sejak dahulu.
- 6c. Pokok **dukung** di belakang rumah nenek ditanam oleh ayah 10 tahun yang lalu.

- 6d. Aspirasi perjuangan pemimpin itu yang mementingkan rakyat marhaen memang saya **dukung** sejak dahulu.

Perkataan yang berhuruf tebal dalam ayat 6a dan 6d ialah perkataan yang dieja secara betul dengan maksud perkataan yang sebenar, manakala perkataan berhuruf tebal dalam 6b dan 6c, merujuk makna yang tidak tepat kerana perkataan **dokong** digunakan untuk merujuk makna **dukung** dan sebaliknya. Dalam konteks ini, perkataan **dokong** sering kali digunakan oleh pengguna bahasa untuk merujuk maksud **dukung**. Pengguna bahasa juga kerap menambahkan imbuhan pada kata dasar **dokong** untuk membentuk kata terbitan **mendokong** seperti contoh dalam ayat 6e. Oleh sebab makna **dokong** yang digunakan tidak tepat maksudnya, maka kata terbitan **mendokong** juga tidak wujud dalam bahasa Melayu. Seharusnya perkataan **mendokong** diganti dengan perkataan **mendukung** seperti contoh kehadiran perkataan itu dalam ayat 6f.

- 6e. Pertubuhan wanita itu **mendokong** hasrat perjuangannya untuk membela nasib ibu tunggal di negeri ini.
- 6f. Pertubuhan wanita itu **mendukung** hasrat perjuangannya untuk membela nasib ibu tunggal di negeri ini.

Bagi perkataan seperti **hemah**, **hemat**, **jenjang**, **kesturi**, **kasturi**, **rasmi** dan **resmi** rujukan makna yang tepat adalah seperti contoh dalam ayat yang berikut:

- 7a. Pemuda itu dihormati oleh penduduk kampung kerana mempunyai **hemah** yang terpuji semasa bergaul dengan mereka.
- 7b. Bas itu terjatuh ke dalam gaung kerana pemandunya kurang **hemat** tentang keadaan jalan raya di kawasan itu.
- 7c. Wanita itu mudah dikenali kerana lehernya yang **jenjang**.
- 7d. Amir dan Amirah menaiki **jenjang** pelamin setelah berkenalan hampir lima tahun.
- 7f. Ayah menanam pokok limau **kesturi** di dalam pasu yang besar.
- 7g. Semerbak bau **kesturi** menusuk hidungnya ketika dia melintas rumah usang itu.
- 7h. Husna gemar makan kuih **kasturi** yang dimasak oleh ibunya.
- 7i. Maklumat **rasmi** tentang jumlah kematian dalam kemalangan maut itu masih belum dikeluarkan oleh pihak berwajib.
- 7j. Setelah setahun mengajar di kawasan pedalaman itu, Cikgu Suhaili amat arif tentang

resmi kehidupan masyarakat di kawasan berkenaan.

Jika berlaku pertukaran satu fonem sahaja dalam ejaan, sebutan dan maknanya juga akan berubah. Oleh hal yang demikian, perkataan **hemat**, **hemah**, **jinjang**, **kasturi**, **rasmi** dan **resmi** dalam contoh ayat di bawah mempunyai maksud yang tidak tepat dengan konteks ayat berikut:

- 8a. Pemuda itu dihormati oleh penduduk kampung kerana mempunyai **hemat** yang terpuji semasa bergaul dengan mereka.
- 8b. Bas itu terjatuh ke dalam gaung kerana pemandunya kurang **hemah** tentang keadaan jalan raya di kawasan itu.
- 8c. Wanita itu mudah dikenali kerana lehernya yang **jinjang**.
- 8d. Amir dan Amirah menaiki **jinjang** pelamin setelah berkenalan hampir lima tahun.
- 8e. Ayah menanam pokok limau **kasturi** di dalam pasu yang besar.
- 8f. Semerbak bau **kasturi** menusuk hidungnya ketika dia melintas rumah usang itu.
- 8h. Maklumat **resmi** tentang jumlah kematian dalam kemalangan maut itu masih belum dikeluarkan oleh pihak berwajib.
- 8i. Setelah setahun mengajar di kawasan pedalaman itu, Cikgu Suhaili amat arif tentang **rasmi** kehidupan masyarakat di kawasan berkenaan.

Senarai perkataan yang dinyatakan hanyalah sebagai contoh kerana masih ada perkataan lain yang dapat dikelompokkan sebagai perkataan yang berpotensi untuk digunakan dengan ejaan yang berbeza berbanding dengan maksud yang ingin disampaikan. Oleh hal yang demikian, kelaziman penggunaan sesuatu perkataan itu tidaklah seharusnya mengesampingkan kamus sebagai pendokumentasian bahasa. Pengguna bahasa perlu merujuk kamus untuk memastikan ejaan perkataan itu menepati maksud yang ingin disampaikan oleh perkataan berkenaan. Dalam hal ini, *Kamus Dewan* merupakan kamus yang autentik sifatnya dan kamus ini seharusnya menjadi rujukan utama untuk memastikan ketepatan ejaan dan makna perkataan yang ingin digunakan oleh pengguna bahasa dalam komunikasi lisan dan tulisan. **23**